JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جباتن خال احوال اكام اسلام نكري سابه

KHUTBAH JUMAAT
PERTAMA DAN KEDUA

01 MUHARAM 1447H / 27 JUN 2025M

"AWAL MUHARAM: MUHASABAH UNTUK MEMANTAP AMAL SOLEH"

Disediakan oleh:
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- **Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.**
- **Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.**
- **Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).**
- **Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.**
- **Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.**
- **Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.**

Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

Khutbah Pertama

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَآئِلِ:

إِنَّ عِدَّةَ ٱلشُّهُورِ عِندَ ٱللَّهِ ٱثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِى كِتَٰبِ ٱللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ مِنْهَآ أَرْبَعَةٌ حُرُمٌ ۚ ذَٰلِكَ ٱلدِّينُ ٱلْقَيِّمُ ۚ فَلَا تَظْلِمُوا۟ فِيهِنَّ أَنفُسَكُمْ ۚ ...

﴿ التوبة: 36﴾

أَشْهَدُ أَنْ لآ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الأَنْبِيَاءِ وَالمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَومِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّه،

فَقَالَ تَعَالَى: يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِۦ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُم مُّسْلِمُونَ

JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Bertakwalah kita kepada Allah SWT dengan takwa yang sebenar-benar. Kerana sesungguhnya Allah SWT akan mengangkat darjat dan kemuliaan bagi orang yang bertakwa, serta mengurniakan jalan keluar daripada kesulitan atau kesukaran dalam hidupnya. Bersempena dengan kedatangan bulan Muharam, khatib ingin mengajak para jemaah untuk sama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk*: **“Awal Muharam: Muhasabah untuk Memantapkan Amal Soleh”.***

Bulan Muharam adalah bulan yang pertama dalam takwim Hijri. Ia juga termasuk dalam empat bulan suci yang dihormati dalam Islam. Allah SWT berfirman dalam surah at-Taubah, ayat 36 :

إِنَّ عِدَّةَ ٱلشُّهُورِ عِندَ ٱللَّهِ ٱثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِى كِتَٰبِ ٱللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ مِنْهَآ أَرْبَعَةٌ حُرُمٌ ۚ ذَٰلِكَ ٱلدِّينُ ٱلْقَيِّمُ ۚ فَلَا تَظْلِمُوا۟ فِيهِنَّ أَنفُسَكُمْ ۚ ...

Maksudnya: *"Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi (hukum) Allah ialah dua belas bulan, (yang telah ditetapkan) dalam Kitab Allah semasa Dia menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan yang dihormati. Ketetapan yang demikian itu ialah agama yang betul lurus, maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati itu (dengan melanggar larangan-Nya)..."*

JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Sempena kedatangan bulan Muharam yang suci dan mulia ini, marilah kita bermuhasabah tentang amal ibadah harian kita sepanjang tahun 1446 Hijrah yang lepas. Seterusnya, marilah kita berazam untuk meningkatkan dan memantapkan lagi amal soleh dan amal ibadah selaras dengan tuntutan dan galakan dalam ajaran Islam.

Sebagai motivasi dan galakan untuk terus beramal soleh dan beramal ibadah, Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis yang **bermaksud:** *"Sebaik-baik manusia adalah orang yang panjang umurnya serta baik amal perbuatannya".* (HR Imam Ahmad)

Daripada hadis ini, dapat kita fahami bahawa umur adalah antara anugerah Allah SWT kepada manusia untuk dimanfaatkan dengan melakukan kebaikan. Ia termasuklah dengan cara beramal soleh dan beramal ibadah sesuai dengan tujuan utama penciptaan manusia. Allah SWT berfirman dalam surah adz-Dzariyaat, ayat 56:

وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: "*Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku".*

JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI,

Terdapat beberapa amalan khusus yang dianjurkan bagi umat Islam melakukannya di bulan Muharam, iaitu:

Pertama: Amalan Puasa Sunat Asyura'

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Qatadah RA, sesungguhnya Nabi SAW ditanya tentang puasa hari Asyura, lalu baginda menjawab: *"Ia menghapuskan dosa-dosa tahun yang lalu".* (HR Muslim)

Walaupun umat Islam digalakkan untuk berpuasa pada 10 Muharam, akan tetapi kita juga turut digalakkan untuk mengiringinya dengan berpuasa pada hari sebelum ataupun hari selepasnya. Ini adalah untuk membezakan kita dengan golongan Yahudi yang hanya berpuasa pada 10 Muharam secara tunggal. Hal ini berdasarkan sebuah riwayat daripada Ibn Abbas RA, beliau berkata bahawa Nabi S.A.W bersabda yang **maksudnya**:

"*Berpuasalah kalian pada hari 'Asyura dan berbezalah dengan golongan Yahudi. Berpuasalah sehari sebelumnya ataupun sehari selepasnya"*.(HR Ahmad)

Kedua: Amalan Berdoa

Antara doa yang boleh dilaksanakan adalah doa akhir dan awal tahun setiap kali tahun baru Hijrah. Walaupun tidak ada dalil khusus bagi amalan ini, namun amalan berdoa itu sangat dianjurkan dalam Islam dan disukai Allah SWT.

Allah SWT juga telah menjadikan doa sebagai sebab untuk meraih apa yang diinginkan. Manakala orang yang sombong takbur daripada berdoa kepada-Nya diancam masuk ke neraka dalam keadaan hina. Allah SWT berfirman dalam surah Ghafir, ayat 60:

وَقَالَ رَبُّكُمُ ٱدْعُونِيٓ أَسْتَجِبْ لَكُمْۚ إِنَّ ٱلَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ۝٦٠

Maksudnya: "*Dan Tuhan kamu berfirman: "Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepada-Ku, akan masuk neraka Jahanam dalam keadaan hina.* "

JEMAAH JUMAAT YANG DIHORMATI,

Ketiga: Amalan Bersedekah

Sedekah adalah amalan yang amat digalakkan dalam Islam, kerana manfaatnya yang banyak untuk kita di dunia dan di hari akhirat kelak. Firman Allah dalam surah al-Baqarah, ayat 274:

ٱلَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمۡوَٰلَهُم بِٱلَّيۡلِ وَٱلنَّهَارِ سِرّٗا وَعَلَانِيَةٗ فَلَهُمۡ أَجۡرُهُمۡ عِندَ رَبِّهِمۡ وَلَا خَوۡفٌ عَلَيۡهِمۡ وَلَا هُمۡ يَحۡزَنُونَ ٢٧٤

Maksudnya: *"Orang-orang yang membelanjakan (mendermakan) hartanya pada waktu malam dan siang, dengan cara sulit atau terbuka, maka mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka serta mereka pula tidak akan berdukacita".*

Dr. Wahbah al-Zuhaili dalam tafsir *Al-Munir* berkata: "*Maksud 'tidak ada ketakutan baginya di akhirat' adalah tidak ada ketakutan baginya ketika menghadapi kedahsyatan hari Kiamat. Sementara maksud 'tidak merasa khuatir dan bersedih' adalah dia tidak bersedih dan khuatir terhadap keadaan anak-anaknya setelah dia meninggal dunia. Dia juga tidak merasa sedih dan menyesal atas apa yang tidak mampu diperolehinya dari kehidupan dunia dan keindahannya. Ini kerana dia telah menjumpai apa yang jauh lebih baik daripada semua itu."*

Sehubungan dengan amalan bersedekah di bulan Muharam ini, Majlis Fatwa Mesir (*Dar al-Ifta*) telah mengeluarkan kenyataan bahawa harus bagi seseorang itu untuk berbelanja atau melapangkan (menggembirakan) ahli keluarganya pada Hari Asyura. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh al-Imam al-Bayhaqi yang **bermaksud:**

"Barangsiapa yang meluaskan (melapangkan – menggembirakan) ahli keluarganya pada Hari Asyura, maka Allah akan melapangkan rezekinya sepanjang tahun. (HR al-Bayhaqi, Ibn Abi Dunya dan al-Tabrani).

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Menyimpul khutbah kali ini khatib dengan rendah hati mengajak untuk sama-sama mengambil perhatian tentang amalan-amalan yang baik di bulan Muharam yang suci kali ini. Sama-sama kita jadikan ia sebagai usaha meningkat dan memantapkan lagi amal ibadah dengan semangat tahun baharu Hijrah. Bersama kita tekadkan keazaman dan ketekunan serta ikhlas semata-mata kerana Allah Taala, semoga

tahun ini kehidupan dan amal ibadah kita akan lebih baik daripada tahun-tahun yang lepas. Allah SWT berfirman dalam surah an-Nahl, ayat 97:

مَنْ عَمِلَ صَٰلِحًا مِّن ذَكَرٍ أَوْ أُنثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهُۥ حَيَوٰةً طَيِّبَةً ۖ وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُم بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

Maksudnya: *"Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan."*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّد، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِين وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.

أَشْهَدُ اَنْ لاَّ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اِتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلاَةِ وَالتَّسْلِيْمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيْمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَٰٓئِكَتَهُۥ يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِيِّۚ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ صَلُّواْ عَلَيۡهِ وَسَلِّمُواْ تَسۡلِيمًا

.اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِى الْعَالَمِيْنَ اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ.

آمِين يا رَبَّ العَلَمِين. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الأَحْيَآءِ مِنْهُمْ وَالأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَةَ وَالهِدَايَةَ وَالسَّلاَمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا **كباوه دولي يڠ مها موليا سري ڤادوک بكيندا يڠ دڤرتوان اكوڠ** وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الأَعْلَى **توان يڠ تراوتام يڠ دڤرتوا نكري سابه**.وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةَ وَسَآئِرَ بِلاَدِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ الرَّحِيمٌ.

اَللَّهُمَ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلاَءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحَنَ وَالْفِتَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِيْنَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin, kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الأَخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ ٱللَّهَ يَأۡمُرُ بِٱلۡعَدۡلِ وَٱلۡإِحۡسَٰنِ وَإِيتَآيِٕ ذِي ٱلۡقُرۡبَىٰ وَيَنۡهَىٰ عَنِ ٱلۡفَحۡشَآءِ وَٱلۡمُنكَرِ وَٱلۡبَغۡيِۚ يَعِظُكُمۡ لَعَلَّكُمۡ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:
Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Hubungi 088-522127/ jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.